

01/10/1998

Hak menuntut keadilan tidak dinafikan

KETIKA dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau dipukul dan dikasari pada malam beliau ditahan di lokap Bukit Aman berikutan tercetusnya kekacauan yang dilakukan oleh penyokongnya di sekitar bandar raya Kuala Lumpur 20 September lalu.

Anwar yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana cuba menghasut pengikutnya yang boleh mencetuskan rusuhan, juga sudah membuat laporan kepada Timbalan Pengarah II, Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Ramli Yusoff mengenai kejadian itu tujuh hari selepas beliau berada dalam tahanan. Disebabkan Anwar membuat dakwaan itu di mahkamah terbuka, ia bukan lagi menjadi perkara rahsia.

Hakikatnya, Anwar dibenarkan membuat aduan secara terbuka, menunjukkan dengan jelas tidak ada pihak yang boleh menafikan haknya untuk menuntut keadilan terhadap apa yang berlaku ke atas dirinya. Kebenaran yang diberi oleh mahkamah untuk menerima permohonannya itu juga menunjukkan, demi menegakkan kebenaran, tidak ada perkara yang harus disembunyikan.

Mendakwa Anwar ke mahkamah dalam keadaannya sebegitu, boleh dianggap satu keberanian kerana pastinya pihak terbabit sedar akan implikasinya. Ini kerana kes yang membabitkan Anwar bukan saja diadili oleh mahkamah, malah ia turut diberi perhatian oleh rakyat.

Sama ada Anwar atau mana-mana anggota polis, tidak seorang pun boleh mengatasi undang-undang. Jika polis terbukti melakukan perbuatan itu tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang terbabit. Kita menyokong penubuhan pasukan penyiasat bebas yang akan ditugaskan untuk menyiasat dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri sudah memberi jaminan bahawa siasatan sepenuhnya akan dijalankan. Inilah yang sepatutnya.

Demi menjaga kewibawaan kerajaan, penyiasatan itu hendaklah yang benar-benar bebas berpandukan kepada semangat profesionalisme. Namun, selagi hasil siasatan tidak diperolehi, adalah tidak adil bagi mana-mana pihak membuat andaian melulu kerana ia hanya memburukkan keadaan. Walaupun pada masa ini pelbagai andaian dibuat, kita pasti kebenaran yang menyebabkan beliau berkeadaan begitu, akan diketahui juga akhirnya. Jika benar beliau dipukul, apakah sebabnya? Bagaimana ianya boleh berlaku? Adakah ia disengajakan atau ia terjadi selepas berlaku provokasi terhadap polis. Harapannya semua soalan ini akan terjawab hasil penyiasatan itu kelak. Hakikatnya, polis tidak wajar sewenang-wenangnya mengkasari tahanan tanpa alasan, apatah lagi jika ia membabitkan seorang bekas pembesar negara. Tidak wajar Anwar dipukul dengan sengaja atas sesuatu arahan kerana beliau akan didakwa atas tuduhan yang dihadapinya.

Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir, Anwar tidak diperlukan untuk membuat sebarang pengakuan kerana beliau akan diadili di mahkamah. Penderaan demikian ini akan hanya menyulitkan lagi keadaan dan menyebabkan polis menerima pelbagai tuduhan daripada pelbagai sudut termasuk media asing. Dan yang mendapat nama buruk ialah Perdana Menteri sendiri.

Malah media asing sudah membuat tuduhan demikian seolah-olah ia direstui Dr Mahathir. Sememangnya, apa yang berlaku ke atas Anwar begitu menarik minat mereka. Bagi mereka keadaan fizikal Anwar lebih penting daripada dakwaan kes yang dihadapinya. Mereka sememangnya mencari pasal untuk memburukkan pihak berkuasa khususnya Dr Mahathir.

Dengan itu perhatian mereka beralih daripada dakwaan pelbagai perlakuan

jenayah ke atas Anwar kepada isu kekejaman polis terhadapnya. Hakikatnya, ia adalah dua perkara yang berbeza. Anwar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kelmarin atas lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii. Di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya semalam pula, Anwar menghadapi satu lagi tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii. Disebabkan Anwar tidak mengaku melakukan perbuatan itu, beliau akan dibicarakan.

Beliau yang diwakili sembilan peguam bela, pastinya akan dibicarakan dengan seadil-adilnya. Soal penahanannya mengikut ISA juga tidak seharusnya dikelirukan dengan tuduhan ke atasnya di mahkamah. Penahanannya itu adalah kerana perbuatannya menghasut pengikutnya yang boleh menyebabkan berlaku rusuhan.

Dakwaan ke atasnya adalah hasil siasatan dan bukti siasatan polis, susulan daripada aduan dibuat di Balai Polis Dang Wangi 19 Jun lalu berhubung penulisan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM. Walau dari sudut mana sekali pun kes Anwar ini dilihat, tidak ada seorang pun boleh mempertikaikan proses undang-undang demi menegakkan keadilan.

(END)